

**PENYEDIAAN DAN PENGURUSAN TEMPAT LETAK
KERETA DI PUSAT BANDAR MELAKA**

LIM WEI WEI

**Projek Sarjana Muda ini dikemukakan
untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2010

ABSTRAK

Kepesatan pembangunan aktiviti bandar telah meyebabkan pelbagai masalah perbandaran yang berkaitan dengan lalu lintas seperti kesesakan lalu lintas, pencemaran udara, bunyi, kesan visual, pengambilan tanah persendirian dan kerajaan untuk pembinaan jalan baru. Ini adalah disebabkan oleh penambahan pelancong dan kenderaan bermotor khususnya kenderaan persendirian di dalam pusat bandar. Fenomena ini berlaku di pusat bandar Melaka dan akan menjejaskan bidang pelancongan yang merupakan salah satu punca ekonomi kepada Negeri Melaka. Guna tanah yang padat dan tempat letak kereta yang terhad merupakan salah satu punca utama kesesakan berlaku. Apabila tempat letak kereta tidak mencukupi, terdapat pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab akan meletak kereta merata-rata dan ini akan memburukkan keadaan. Selain itu, didapati tiada ruang tempat letak kereta untuk bas pelancong yang membawa pelancong ke kawasan kajian untuk berehat semasa menunggu pelancong yang berkunjung bersiar-siar di kawasan kajian. Ini menyebabkan bas pelancong terpaksa diletak di tepi jalan dan ini mengakibatkan kesesakan lalu lintas. Pengiraan saiz sampel untuk kajian ini adalah menggunakan populasi penduduk di Daerah Melaka Tengah sahaja dengan menggunakan Pensampelan Tak Berkebarangkalian dengan tahap keyakinan 90%. Bilangan sampel yang diperlukan adalah 100 responden daripada jumlah penduduk di Daerah Melaka Tengah sebanyak 369722 penduduk. Dalam membuat kajian ini, kajian meletak kenderaan yang menggunakan kaedah survei nombor pendaftaran kereta akan digunakan. Ini adalah untuk mengetahui sama ada penawaran sedia ada cukup untuk menampung permintaan pengunjung di kawasan kajian. Responden yang terlibat adalah pengunjung yang menggunakan kenderaan persendirian dan meletak kenderaan di kawasan kajian. Kajian meletak kenderaan ini dijalankan dari jam 10 pagi hingga ke 6 petang pada hujung minggu. Berdasarkan hasil kajian, didapati majoriti responden menghadapi kesukaran mencari tempat letak kereta di kawasan kajian. Faktor-faktor kesukaran yang dihadapi semasa mencari tempat letak kereta adalah jalan yang sesak dan tempat letak kereta yang disediakan tidak mencukupi. Selain itu, majoriti tahap kepuasan responden terhadap kemudahan tempat letak kereta yang disediakan di kawasan kajian adalah sangat tidak memuaskan. Ciri-ciri analisis letak kenderaan yang digunakan adalah pengumpulan, peratusan penggunaan perhadap tempat letak kereta, pusing ganti, dan purata tempoh masa. Dengan itu, permintaan dan penawaran tempat letak kereta dapat ditentukan sama ada adalah mencukupi atau tidak. Bagi mengatasi masalah-masalah tempat letak kereta di kawasan kajian, beberapa cadangan dan strategi telah dikemukakan. Contohnya adalah peranan Pihak Berkuasa Tempatan, kawalan penggunaan jalan di kawasan kajian, penyediaan tempat letak bas persiaran, Sistem Panduan Tempat Letak Kereta (*Parking Guidance System*), *Park and Ride*, dan *Park and Walk*.

ABSTRACT

The rapid growth of urban development activities have been creating various problems associated with urban traffic such as traffic congestion, air pollution, noisiness , visual impact, acquirement of private and government land for the construction of new roads. This is due to the increased of tourists and motor vehicles, especially private vehicles in the city centre. This phenomenon occurs in the city centre of Malacca and will affect the tourism sector which is one of the incomes of the economics for the state of Malacca. The compact land use and limited parking spaces are the major causes of congestion occurs. When parking is not enough, there are road users that park illegally, and this worsens the situation. Besides that, there is no provision of parking space for tourist coaches that carrying tourists to study area. This led to tourist coaches are forced to put on the streets and this resulted in traffic congestion. The calculation of sample size for this study uses the population of Melaka Tengah District by using Non- Probability Sampling with 90% confidence level. The number of samples required is 100 respondents of the total population in the District of Melaka Tengah which is 369,722 peoples. Recording car registration number will be the survey method that uses for this parking study. This is to determine whether existing supply is enough to meet the demand of the visitors that park in this area. The respondents will be the visitors who are using private vehicles and park in the study area. The parking study was conducted from 10am to 6 pm during weekend. Based on the study, majority of the respondents have difficulties when finding available parking space in the study area. Factors that faced by the respondents when searching for parking space are road congestion and parking spaces that provided are insufficient. In addition, majority of respondents' satisfaction level towards the parking facilities provided in the study area is least satisfied. The characteristics of parking analysis of the vehicle used are accumulation, percentage of occupancy, turnover, and average duration. Therefore, the demand and supply of parking can be determined whether it is sufficient or not. To overcome the problems of parking in the study area, several recommendations and strategies have been proposed. For example is the role of local authorities, control the uses of roads in the study area, provision of parking for tourist coaches, Parking Guidance System (PGS), Park and Ride, as well as Park and Walk.